
Google Classroom: Bagaimanakah Tahap Kesediaan Guru Matematik

Mohd Afifi, B. S.¹, Nivetha Kirushna, B.² A.Rahim N.A.³ Afian Akhbar, M.⁴

^{1,2}Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
E-mail:mohdafifi@fpm.upsi.edu.my

^{3,4} Institut Pendidikan Guru Malaysia, Cyberjaya, Selangor, Malaysia

Abstract

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesediaan guru dalam penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik. Penggunaan aplikasi Google Classroom yang merupakan suatu pelantar M-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara intensif selepas kerajaan kita memperkenalkan Dasar Social Distancing. Metodologi kajian ini berbentuk kuantitatif dan soal selidik diedarkan kepada responden dalam bentuk Google Forms. Seramai 99 orang guru sekolah rendah dan sekolah menengah dipilih sebagai responden kajian. Data kajian dianalisis dengan menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Science) versi 26. Analisis statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan, skor min dan peratusan, manakala statistik inferensi melibatkan ujian-t pada tahap kesignifikanan $p < 0.05$. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi tahap kesediaan guru dari semua aspek yang dikaji, iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Secara keseluruhannya, aspek pengetahuan dan kemahiran guru terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom adalah tinggi, manakala dari aspek sikap guru terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom adalah sederhana.

Keywords : Kesediaan, Google Classroom, Matematik, Guru Matematik

I. PENGENALAN

Pada era globalisasi, sistem Pendidikan di Malaysia telah mengalami pelbagai perubahan yang drastik dari masa ke semasa. Sistem Pendidikan di Malaysia tidak lagi terasing daripada penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Lebih-lebih lagi, pada masa kini negara kita sedang bergelut dengan penularan pandemik Covid-19. Pandemik Covid-19 telah mengubah sistem pendidikan di Malaysia. Proses Pendidikan di negara kita dijalankan secara bersemuka. Namun, kini proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan dalam norma yang baharu (new norm of teaching and learning) dimana aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi semua peringkat tidak kira tadika mahupun universiti, dijalankan di tempat kediaman setiap pelajar dan dijalankan secara dalam talian (online) sehingga semua institusi pendidikan ditutup buat sementara waktu.

Di sini guru memainkan peranan yang penting di mana harus memastikan proses PdP dilaksanakan juga walaupun pelajar berada di kediaman masing-masing dengan memastikan proses PdP diteruskan jua supaya pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran mereka akibat

Pandemik Covid-19. Bersesuaian dengan situasi ini, pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian supaya dapat disesuaikan dengan Dasar Social Distancing yang dilancarkan oleh kerajaan pada 18 March 2020. Dengan itu, guru pula diminta untuk menguasai teknologi bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian diteruskan serta aktiviti pembelajaran tidak terganggu. Pengajaran dan pembelajaran dalam talian dengan menggunakan aplikasi Google Classroom telah menjadi suatu kebiasaan di kalangan pendidik dan pelajar sejak bulan April 2020.

‘Google Classroom’ merupakan perisian pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang dikendalikan oleh Google yang menjadi platform digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai pelantar pembelajaran maya alternatif (KPM, 2019). Google Classroom merupakan sebuah platform pengajaran dan pembelajaran yang diusahakan secara percuma oleh pihak Google pada tahun 2014 bagi merancang, melaksana serta menaksir tugas ataupun hasil kerja murid secara paperless (Ulum, Fantiro, & Rifa’i, 2019). Platform ini merupakan suatu platform Pendidikan yang sangat berguna

terutamanya pada masa kini dimana pembelajaran secara dalam talian dilaksanakan.

Penggunaan aplikasi Google Classroom telah memberi peranan yang baru kepada para pendidik. Bagi mengembangkan potensi guru dalam penggunaan aplikasi Google Classroom, guru mesti bekerjasama dengan rakan sekerja ataupun pakar yang berbakat dalam pengaturcaraan pembelajaran menggunakan aplikasi Google Classroom. Ini kerana penggunaan aplikasi Google Classroom dalam matapelajaran matematik memerlukan pengetahuan mendalam mengenai isi pelajaran, proses PdP, kemahiran berkomunikasi dengan pelajar dan yang paling pasti kemahiran berkomunikasi dengan teknologi maklumat. Lebih-lebih lagi pada masa kini, guru harus mempunyai kemampuan, pengetahuan serta kemahiran dalam mengendalikan gajet-gajet serta aplikasi TMK terbaru disebabkan ia memainkan peranan yang penting dalam membimbing pelajar mereka.

Menurut hasil dapatan kajian Zuraida et.al. (2019), guru-guru tidak tersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian kerana kekurangan latihan, masalah pengurusan masa dan tidak ada perancangan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur. Namun, pengkaji mendapati masih kurang kajian yang memfokuskan kepada tahap kesediaan guru dalam penggunaan aplikasi Google Classroom terutamanya dalam mata pelajaran matematik. Maka kajian ini dijalankan bagi memberikan input yang penting dalam usaha mempertingkatkan kualiti program pembangunan profesionalisme. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan guru sekolah rendah di Daerah Bentong, Pahang terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam matapelajaran matematik.

II METODOLOGI KAJIAN

kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian tinjauan merupakan satu cara yang terbaik bagi mengukur persepsi, sikap, kepercayaan, pendapat, praktis dan orientasi untuk saiz populasi yang besar (Creswell, 2012). Selain itu, kajian ini juga merupakan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif bagi mengenalpasti dan mengkaji kesediaan guru dalam penggunaan Google Classroom dalam matapelajaran Matematik. Reka bentuk deskriptif digunakan bagi mengumpul maklumat deskriptif bagi mengetahui taburan pemboleh-pemboleh ubah yang dipilih.

Dalam kajian ini, populasi merujuk kepada guru-guru sekolah rendah dan menengah di daerah Bentong, Pahang. Jumlah populasi guru sekolah rendah dan menengah di daerah Bentong ialah 129 orang. Pengkaji memilih daerah Bentong sebagai lokasi kajian kerana pengkaji mudah berurusan dengan pihak sekolah berikutan daerah Bentong yang merupakan tempat bertugas pengkaji. Oleh kerana dasar Social Distancing masih dilaksanakan disebabkan pandemik Covid-19, maka pengkaji melaksanakan kajian ini di daerah pengkaji bertugas. Ini sekaligus menjimatkan masa, kos dan tenaga pengkaji. Kajian ini dijalankan dalam kalangan 99 orang guru sekolah rendah dan sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran Matematik di daerah Bentong. Pemilihan responden dilakukan secara rawak mudah berdasarkan senarai nama guru yang mengajar matematik yang diperolehi dari PPDB.

Kajian kesediaan guru dalam penggunaan Google Classroom dalam mata pelajaran matematik ini menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik adalah suatu kaedah kajian yang digunakan dalam reka bentuk tinjauan yang dilengkapkan oleh responden kajian. Responden memilih jawapan untuk soalan dan membekalkan peribadi asas atau maklumat demografi (Creswell, 2012).

Soal selidik dalam kajian ini mengandungi lima bahagian, iaitu Bahagian A yang merupakan maklumat peribadi dan demografi, Bahagian B merupakan penilaian pengetahuan guru terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik, Bahagian C merupakan penilaian kemahiran guru terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik dan Bahagian D penilaian sikap guru terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengadaptasi beberapa instrumen soal selidik penyelidik-penyelidik terdahulu untuk disesuaikan dengan objektif dan persoalan kajian.

Pengkaji menggunakan dua kaedah untuk menganalisis data dalam kajian ini iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Data yang diperolehi menerusi instrumen soal selidik dikumpul secara kuantitatif dan dianalisis menggunakan SPSS versi 26. Bagi menjawab persoalan mengenai maklumat demografi seperti jantina, umur, bangsa, kelayakan akademik, opsyen mata pelajaran, pengalaman kerja, sekolah, kehadiran kursus Google Classroom dan pemilikan akaun Gmail, maka pengkaji akan menggunakan analisis deskriptif. Responden dalam kajian ini

terdiri daripada guru matematik sekolah rendah dan menengah di daerah Bentong, Pahang. Dalam menentukan apakah tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam penggunaan aplikasi Google Classroom bagi mata pelajaran matematik, analisis deskriptif serta skor min akan digunakan untuk menentukan tahap. Jadual 1 menunjukkan interpretasi skor min yang digunakan untuk menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam penggunaan aplikasi Google Classroom bagi mata pelajaran matematik.

Jadual 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

III DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati sebahagian besar responden kajian adalah terdiri daripada guru perempuan (73.7%), berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun (33.3%), berbangsa Melayu (46.5%), mempunyai kelulusan akademik dalam Ijazah Sarjana Muda (74.7%), beropsyen matematik (53.5%), mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 20 tahun (35.4%), berkhidmat di sekolah menengah luar bandar (34.3%), pernah mengikuti kursus Google Classroom (65.7%), dan mempunyai akaun Gmail (100%).

Jadual 2: Kekerapan dan peratusan tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	5	5.1
Sederhana	31	31.3
Tinggi	63	63.6

Hasil analisis tahap pengetahuan guru terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik (Jadual 2) menunjukkan majoriti guru iaitu seramai 63 orang (63.6%) mempunyai tahap yang tinggi, manakala 31 orang (31.3%) mempunyai tahap sederhana dan hanya 5 orang (5.1%) mempunyai tahap yang rendah terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik. **Tahap pengetahuan guru adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai min keseluruhan bersamaan 3.78.**

Jadual 3: Kekerapan dan peratusan tahap kemahiran guru terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	7	7.1
Sederhana	38	38.4
Tinggi	54	54.5

Hasil analisis bagi tahap kemahiran guru menunjukkan majoriti guru (Jadual 3) iaitu seramai 54 orang (54.5%) berada pada tahap tinggi, manakala 38 orang (38.4%) mempunyai tahap yang sederhana dan hanya 7 orang (7.1%) mempunyai tahap yang rendah terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan tahap kemahiran guru pula adalah pada tahap yang sederhana dengan nilai min 3.63

Jadual 4: Kekerapan dan peratusan tahap sikap guru terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik

Tahap	Kekerapan	Peratus
Rendah	5	5.1
Sederhana	44	55.5
Tinggi	50	50.5

Hasil analisis bagi tahap sikap guru menunjukkan majoriti guru (Jadual 4) iaitu seramai 50 orang (50.5%) berada pada tahap yang tinggi, diikuti seramai 44 orang (44.4%) mempunyai tahap yang sederhana dan hanya 5 orang (5.1%) mempunyai tahap yang rendah terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran matematik. Sikap guru juga berada pada tahap yang sederhana dengan nilai min 3.61.

Dapatan menunjukkan terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan aplikasi ini.

IV KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam mengintegrasikan sesuatu aplikasi pembelajaran dalam talian dalam proses PdPc mereka. Maka, kesediaan guru dalam mengaplikasikan suatu M-pembelajaran dengan teknologi yang baru adalah suatu elemen yang penting dalam merealisasikan keberkesanan platform tersebut. Setiap pendidik harus mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan

kecekapan mereka dalam pengintegrasian teknologi yang baru supaya dapat bersaing secara globalisasi dengan sistem Pendidikan negara-negara yang maju serta tidak ketinggalan dalam dunia berdigital tinggi.

Berdasarkan kajian yang dijalankan. Pengkaji mendapati bahawa guru-guru kita mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam penggunaan aplikasi Google Classroom yang diperkenal dan diimplementasikan dalam sistem Pendidikan negara kita baru-baru ini. Menurut Syafiq dan Megat (2021), guru-guru sentiasa bersedia untuk mempelajari cara menggunakan teknologi baru di dalam kelas tanpa mengira faktor umur mahupun jantina.

Sejajar dengan itu, pengkaji menyarankan kepada guru supaya mempertingkatkan lagi pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka terhadap penggunaan Google Classroom dari masa ke semasa. Bahkan 'practise makes perfect', latihan serta penggunaan yang berterusan akan menjadikan seseorang guru itu berkemahiran, berpengetahuan serta cekap dalam pengintegrasian aplikasi Google Classroom dalam mata pelajaran masing-masing.

Akhir sekali, KPM juga harus mempertingkatkan lagi latihan penggunaan aplikasi Google Classroom dalam pelbagai medium tidak kira secara dalam talian ataupun luar talian secara meluas serta berterusan supaya tahap kesediaan guru-guru kita tidak akan berkurangan. Pengkaji berpendapat bahawa sokongan dan bimbingan daripada pihak KPM yang berterusan akan meningkatkan motivasi serta sikap guru terhadap penggunaan Google Classroom dalam sistem Pendidikan negara kita.

RUJUKAN




- [1] Ahmad Al-Munzir Ridzuan. (2020). Tahap Kesediaan Pensyarah Terhadap Penggunaan M- Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET). Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities, Vol.5, No.1 2020 eISSN 0128-2875.
- [2] Ain Nur Atika Agus. (2020). Tahap Pengetahuan Dan Kesediaan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ). ISSN: 2180-4842. Vol. 11, Bil. 1 (Mei 2021): 75-87
- [3] Bekti Mulatsih. (2020). Penerapan Aplikasi Google Classroom, Google Forms, dan Quizizz dalam Pembelajaran Kimia di masa Pandemi Covid-19, Ideguru: Jurnal Karya Ilmiah Guru. Vol. 5, No.1 Edisi Khusus KBM Pandemi COVID-19
- [4] Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences. (Routledge & T. & F. Group, Eds.) (Third Edit). New York & London.
- [5] Chua, Y. P. (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan buku 1. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- [6] D. Schwartz. (1999). Ghost in the machine: Seymour Papert on how computers fundamentally change the way kids learn,” Interview. <http://www.papert.org/articles/GhostInTheMachine.html>
- [7] E. von Glasersfeld. (1995). Radical constructivism: A way of knowing and learning,” London and Washington: The Falmer Press
- [8] Fatima Islahi. (2019). Exploring Teacher Attitude towards Information Technology with Gender Perspective. Contemporary Educational Technology, 2019, 10(1), 37-54 <https://doi.org/10.30935/cet.512527>
- [9] Google. (2018). Time for a refresh: Meet the new Google Classroom. 2018-08-07. Dicapai pada 2018-08-15.
- [10] Google Groups. (2018). productforums.google.com. Dicapai pada 2018-02-08.
- [11] Isabel Maria Gomez & Cristina Yanez de Aldecoa. (2021). The Digital Gender Gap in Teacher Education: The TPACK Framework for the 21st Century. European Journal of Investigation in Health, Psychology and Education. doi: 10.3390/ejihpe11040097
- [12] Johari bin Hassan & Fazliana Rashida binti Abdul Rahman. (2017). Penggunaan ICT dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, 4. pp. 22-37. ISSN 2231-7376
- [13] John W. Creswell. (2012). Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. Fourth Edition ISBN-13: 978-0-13-136739-5

- [14] John W. Creswell. (2014). *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Fourth Edition ISBN 978-1-4522-2610-1
- [15] Kamus Dewan (2005) *Kamus Dewan edisi keempat* Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka Kaukab Abid Azhar & Nayab Iqbal. (2018). Effectiveness of Google Classroom: Teachers' Perceptions. Barrett Hodgson University. *Prizren Social Science Journal*. Volume 2, Issue 2; May - August 2018 / ISSN: 2616-387X
- [16] Kaviza. (2020). Kesediaan Murid Terhadap penggunaan Aplikasi Google Classroom sebagai Platform Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 4, (page 108 - 115) DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.397>
- [17] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. 2013- 2025*. Putrajaya. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [18] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Panduan Pelaksanaan Modul Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Terbitan oleh Bangunan Pembangunan Kurikulum.
- [19] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Surat Siaran KPM/TKPPM/DPP/1/15 Jld.3 (58)* bertarikh 5 Julai 2019
- [20] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pendidikan untuk Semua. Pencapaian Kementerian Pendidikan Tahun 2019*.
- [21] Khodijah Abdul Rahman, Siti Zaharah Mohid dan Roslinda Ramli. (2018). Kesediaan Guru Menggunakan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor. *Proceeding of IC-ITS 2018* e-ISBN:978-967-2122-64-7 4th International Conference on Information Technology & Society October 30th-31st
- [22] Lailatul Faizah. (2020). Implementasi Aplikasi Google Classroom dalam Pembelajaran Daring Matematika masa Pandemi Covid-19. Skripsi, Program Studi Tadris Matematika Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri Salatiga.
- [23] Louis Cohen, Lawrence Manion & Keith Morrison. (2020). *Research Methods in Education*. Sixth Edition ISBN-0-203-02905-4
- [24] Luan, W. S. (2002). Development and validation of information technology (IT) based instrument to measure teacher's IT preparedness. Universiti Putra Malaysia
- [25] Maya Mahitsa Agung Mahardini. (2020). Analisis Situasi Penggunaan Google Classroom pada Pembelajaran Daring Fisika. *Jurnal Pendidikan Fisika, Universitas Muhammadiyah Metro*. e-ISSN: 2442-4838 <http://dx.doi.org/10.24127/jpf.v8i2.3102>
- [26] Muhamad Romadhon, Zulela M. S & Fahrurrozi. (2021). Google Classroom sebagai Solusi Pembelajaran Online di Sekolah Dasar. *Jurnal Elementaria Edukasia*. Volume 4, No.1, April 2021, 151-159 DOI: 10.31949/jee.v4i1.3097
- [27] Muhammad Denny Wicaksono. (2020). Pemanfaatan Google Classroom Dalam Strategi Pembelajaran Kooperatif Pada Mata Pelajaran Ips Kelas Viii. *Inspirasi; Jurnal Ilmuilmu Sosial Vol.17, No.1*
- [28] Mutiara, Pertiwin Indah Lestari & Nurhidayah. (2021). Pengaruh Penggunaan Aplikasi Google Classroom pada Masteri Sistem Ekskresi terhadap Hasil Belajar Siswa. *Jurnal Biologi, Vol. 4, Nomor 1, Maret 2021*. ISSN: 2623-0143
- [29] Nilam Sari, Vera Dewi Kartini Ompusunggu & Muhammad Daliani. (2020). Analisis Penggunaan Media Google Classroom terhadap Proses Belajar Mengajar pada Mahasiswa PGSD Universitas Quality Selama Masa Bencana Pandemi Covid-19. *JET: Journal of Education and Teaching Vol. 1 No. 1 Tahun 2020*
- [30] Nurhidayah, H. (2020, April 17). *Carian 'Google Classroom' di Malaysia tertinggi di dunia*. Sinar Harian. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/79328/BERITA/Nasional/Carian-Google-Classroom-di-Malaysia-tertinggi-di-dunia>
- [31] Noor Desiro Saidin & Hazrati Husnin. (2021). Google Classroom Sebagai Pelantar M- Pembelajaran: Tahap Pengetahuan Dan Tahap Kesediaan Guru-Guru Sekolah Menengah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 2, 278-292*, <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- [32] Nor Aniza Ahmad dan Lay Nee Chua. (2015). Technology and Higher Education: Using an E- learning tutorials as a pedagogy for Innovation and flexible Learning. *Malaysian Journal of Distance Education*.

- 17(1), 21-31.
- [33] Notoatmodjo. (2014). *Metodologi Penelitian Kesehatan*. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- [34] OU Qiong. (2017). A Brief Introduction of Perception. *Studies in Literature and Language* pp. 18-28 DOI:10.3968/10055
- [35] Pradana, Diemas Bagas Panca & Harimurti Rina. (2017). Pengaruh Penerapan Tools Google Classroom pada Model Pembelajaran Project Based Learning terhadap Hasil Belajar Siswa. *Jurnal IT-Edu Ressler, Gene* (March 15, 2017). Google Classroom: Now open to even more learners. The Keyword Google Blog. Google. Dicapai pada April 28, 2017
- [37] Saedah Siraj & Vijaya Kumaran (2006) M-Learning Module Design for Futuristic Secondary School Curriculum Implementation in Malaysia. *Kertas Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-19, Langkawi*
- [38] Shahrane, I. N., Jamil, J. M., & Rod, S. S. (2016). Google Classroom as a Tool For Active Learning. *AIP Conference Proceedings*
- [39] Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. (2016). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Web 2.0 dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 33-43
- [40] Syafiq Mansor & Megat Aman Zahiri Megat Zakaria. (2021). Penerimaan Guru terhadap Penggunaan Google Classroom semasa Proses PdP secara dalam Talian menggunakan Model TAM. <https://www.researchgate.net/publication/349961920>
- [41] Taradisa, N & Jarmita, N & Emalfida. (2020). Kendala yang dihadapi Guru Mengajar Daring pada masa pandemi covid-19 di min 5 Bandar Aceh. <https://repository.arraniry.ac.id/id/eprint/14083/1/>
- [42] Ulum, B., Fantiro, F. A., & Rifa'i, M. N. (2019). Pemanfaatan Google Apps di Era Literasi Digital Pada Siswa Sekolah Dasar. *Lentera: Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 14(2), 22–31. <https://doi.org/10.33654/jpl.v14i2.843>
- [43] UNESCO-IESALC. (2020). COVID-19 and higher education: Today and tomorrow. UNESCO International Institute for Higher Education in Latin America and the Caribbean (IESALC), 1–46. <https://bit.ly/34TOSvu>
- [44] Ungku Khairul Fadzli Ungku Abu Bakar, Muhammad Syafiq Ahmad Bukhari, & Izzati Firdiana Kamarol Bahrin. (2020). Tahap Kesediaan Pensyarah menggunakan platform Google Classroom untuk pelaksanaan PdP di Kolej Komuniti Langkawi. *International Journal of Education and Pedagogy*, 223-234. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap>
- [45] Venkatesh & Davis FD. (2000). A theoretical extension of the technology acceptance model: Four longitudinal field studies. *Management Science*, 186-204
- [46] Wawan, A. & Dewi. (2010). Teori dan Pengukuran Pengetahuan, Sikap dan Perilaku Manusia, Yogyakarta: Nuha Medika
- [47] Y. Feng. (1995). Some Thoughts about Applying Constructivist Theories of Learning to Guide Instruction,” *University of Washington*
- [48] Yogeswary Kuppasamy & Helmi Norman. (2021). Kemahiran Teknologi dan Kesediaan Melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraa Dalam Talian Semasa Era Pandemik Dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah Tamil. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 428-441. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- [49] Yunus, F. & Amin N. (2015). Pembangunan model Pemindahan Pembelajaran Sistem Latihan Kemahiran Malaysia Berasaskan National Occupational Skill Standard (Noss). *Universiti Kebangsaan Malaysia*
- [50] Zakaria bin Saad, Baskaran Subramaniam, Malar Muthiah, Abdul Malek Yaakub, Chin Soo Fong & Othayakumaran a/ Kandasamy. (2020). Kesediaan Penggunaan Google Meet sebagai Platform Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian bagi Siswa Guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim. *Proceedings of International Conference on The Future of Education IConFed*
- [51] Zuraida Baharuddin, Shahrir Jamaluddin, Mohd Shahril Nizam Shaharom & Sumaia Mohammed Radzman Zaid. (2019). The Role of teacher Readiness as Mediator in the Development of ICT Competency in Pahang Primary School. *Journal of Educational*

Research and Indigeneous Studies N. S. M. Dazali and I. Awang, “Tahap Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Mida Pendidikan di IPTA Malaysia: Satu Kajian Kes,” *J. Holist. Student Dev.*, vol. 4, no. 1, pp. 1–17, 2017.

AUTHOR'S INFORMATION

<p>First Author: Mohd Afifi Bin Bahrudin Setambah</p> 	<p>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia E-mail: mohdafifi@fpm.upsi.edu.my</p>
<p>Nivetha Kirushna</p> 	<p>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia E-mail: thatchnanive@gmail.com</p>
<p>Afian Akhbar Mustam</p> 	<p>Institut Pendidikan Guru Malaysia E-mail:afian08-160@epembelajaran.edu.my</p>